

DATE: 9/3/2008

Abdullah, Najib mengundi awal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Jeanne Abdullah mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang, pagi semalam.

Abdullah dan Jeanne tiba di pusat mengundi pada jam 9.20 pagi.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdullah berkata, proses mengundi lancar di seluruh negara dan berharap rakyat melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau berkata, keadaan keselamatan di seluruh negara terkawal.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor mengundi di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah di Pekan, Pahang pada jam 8.40 pagi.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang bertanding bagi kerusi Parlimen Marang dan DUN Rhu Rendang di Terengganu, mengundi di Sekolah Rendah Kebangsaan Rusila, Marang.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh, mengundi di Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Penanti, bersama suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri Puan Sri Chui Kah Peng juga adalah antara yang awal keluar mengundi.

Koh, yang juga pemangku Presiden Gerakan, mengundi di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bunga jam 8.20 pagi.

Di **KELANTAN**, pengundi mulai memenuhi pusat mengundi di 14 kawasan Parlimen di negeri itu yang dibuka jam 8 pagi.

Cuaca di negeri itu dilaporkan mendung dengan beberapa kawasan hujan renyai tetapi ia tidak menghalang orang ramai daripada menunaikan tanggungjawab untuk memilih wakil rakyat masing-masing.

Timbalan Menteri Kewangan dan Pengerusi Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Awang Adek Hussin yang mempertahankan kerusi Parlimen Bachok dan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Perupok, mengundi di Sekolah Kebangsaan Perupok, Bachok, 8.10 pagi.

Beliau mengundi bersama isterinya, Datin Latifah Yusof, dua anak mereka Abdul Aziz, 26 dan Norjasara, 25, serta lapan adik-beradiknya.

Menteri Besar Kelantan dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga penyandang kerusi DUN Chempaka mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Sakti, di sini pada jam 8 pagi ditemani anaknya, Nik Mohd Abduh.



SEPAKAT: Abdullah dan Jeanne bersalam selepas mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, semalam.



TANGGUNGJAWAB: Najib dan Rosmah mengundi di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan semalam.

Nik Aziz menghadapi calon BN, Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Dr Nik Mohd Zain Omar.

Di **PERAK**, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi dan isteri, Datin Hamidah Khamis antara yang awal mengundi.

Ahmad Zahid yang mempertahankan kerusi Parlimen Bagan Datoh, mengundi di Madrasah Man Bil-Ulum Sungai Nipah pada jam 8.35 pagi.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput mengundi di Sekolah Menengah Methodist Sungai Siput jam 8.50 pagi.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pula mengundi sebelah petang di Sekolah Kebangsaan Gelok, Lenggong, manakala Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz yang mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kangsar bagi penggal ketujuh, mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kua-

la Kangsar.

Turut mengundi di tempat sama ialah ibunya yang berkerusi roda, Rahimah Kahar, 85; suami Rafidah Tan Sri Mohd Basir Ahmad serta tiga anak mereka, Rohaiza, 41, Alfian, 34 dan Rohila Basir, 33.

Di **SELANGOR**, Pengerusi Barisan Nasional Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo Khir dan isteri, Datin Seri Zahrah Kechik menaiki skuter baru ke pusat mengundi di Sekolah Kebangsaan Simpang Lima Sungai Besar, Sabak Bernam.

Zahrah dan Mohamad Khir tiba di pekarangan sekolah itu jam 8.20 pagi.

Di **PERLIS**, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid menunaikan tanggungjawabnya di Sekolah Kebangsaan Titi Tinggi; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah M Yassin mengundi di Sekolah Kebangsaan Tambun Tulang, Arau.